

**UNIT PEPERIKSAAN  
KOLEJ YAYASAN SAAD, MELAKA**

**UJIAN BULAN APRIL 2012**

**02/2**

**BAHASA MELAYU**

**1 Jam**

**Tingkatan 3**

**SULIT**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

) *Arahan :*

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B juga mesti dijawab.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab Bahagian A dan 30 minit untuk Bahagian B.*

### Bahagian A (i) – Ringkasan (20 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang faktor-faktor penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

“Jauhi Dadah”, “Dadah Musuh Utama Negara” dan “Dadah Pembunuh” adalah antara cogan kata yang menghiasi papan kenyataan dan akhbar di negara ini. Penghindaran terhadap dadah ini memang ketara kerana kerajaan dengan serius melaksanakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Dadah merosakkan sistem saraf otak dan saraf tunjang malahan menjadikan penagih dadah seperti bangkai bernyawa, tidak kenal akan diri sendiri mahupun saudara. Untuk menangani masalah ini dengan lebih berkesan, akar kepada masalah tersebut perlu dikaji dan diberi perhatian. Kurangnya pendedahan dan pengetahuan terhadap bahaya penyalahgunaan dadah menjadi punca masyarakat di negara ini terjebak dalam gejala ini. Ramai yang berbicara tentang dadah tetapi tiada sesiapa pun yang menjelaskan bahaya dan kesan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, ibu bapa dan saudara-mara perlu mendedahkan anak-anak tentang kesan dan bahaya penyalahgunaan dadah.

Selain itu, keluarga yang kucar-kacir, minat belajar yang mula kendur dan pengaruh rakan sebaya yang memimpin ke jalan yang kurang sihat turut menyumbang kepada permasalahan ini. Pada fikiran remaja, dadah adalah penyelesaian masalah. Justeru, masyarakat seharusnya membantu mereka keluar daripada situasi ini. Bimbingan kaunseling mungkin dapat membantu menyelesaikan masalah ini pada peringkat akar umbi. Kesibukan ibu bapa mencari nafkah hidup menyebabkan pengabaian terhadap anak-anak mereka. Kekurangan kasih sayang dan pendedahan kepada pengaruh luar tanpa kawalan ibu bapa memburukkan lagi keadaan.

Sikap remaja yang mlarikan diri daripada realiti hidup seperti tidak dapat meneruskan pelajaran atau tidak mendapat pekerjaan mendorong mereka mendekati najis dadah. Realiti hidup yang lebih mencabar tidak dapat diikuti oleh para remaja dan dadah menjadi penawar untuk menyelesaikan masalah mereka. Terdapat juga remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah kerana sikap yang terlalu mendambakan hiburan. Keseronokan dan keasyikan berhibur menjadikan mereka *lupa akan bumi yang dipijak*.

Kesimpulannya, semua pihak baik ibu bapa, guru, masyarakat, pihak swasta dan pihak kerajaan perlu berganding bahu memerangi gejala penyalahgunaan dadah. Kegawatan masalah ini perlu dibendung segera agar tidak merosakkan para remaja khususnya pelajar sekolah yang berada pada peringkat mencuba-cuba.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada rencana Penyalahgunaan Dadah Dalam kalangan Remaja , Dewan Siswa, 2004)


### Bahagian A(ii): Pemahaman (10 markah)

Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut menggunakan ayat anda sendiri.

1. Apakah maksud rangkai kata *lupa akan bumi yang dipijak*? (2 markah)
2. Apakah kesan penyalahgunaan dadah kepada penagih dadah? (4 markah)
3. Pada pendapat anda, bagaimakah pendekatan kaunseling dapat membantu menyelesaikan masalah penagih dadah? (4 markah)

**Bahagian B (20 markah)**


Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor pengabaian warga tua oleh masyarakat di negara ini. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



*END OF QUESTION PAPER  
KERTAS SOALAN TAMAT*

*Kertas soalan ini:  
This question paper*

*Disediakan oleh  
Set by*

  
\_\_\_\_\_  
Siti Zarehan Binti Harun

*Disemak oleh  
Checked by*

  
\_\_\_\_\_  
Hassan Bin Ahmad